

# Farouk yakin Dr. M tidak maksudkan serangan Palestin perbuatan ganas

UM 2 APR 2002

KUALA LUMPUR 1 April — Menteri Luar Palestin, Farouk Kaddoumi percaya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak menganggap serangan berani mati rakyat Palestin sebagai perbuatan ganas.

“Saya percaya beliau tidak bermaksud begitu. Pihak Berkuasa Palestin (PA) atau mana-mana pihak pun tidak dapat menghalang serangan berani mati itu kerana ia hasil daripada kesengsaraan bangsa Palestin yang terpaksa menghadapi pelbagai kekejaman dan kezaliman oleh Israel,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan Dr. Mahathir ketika merasmikan Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (ICFM) Mengenai Keganasan di sini hari ini.

Semasa berucap antara lain Perdana Menteri menyarankan sebarang bentuk serangan ke atas orang awam termasuk negara yang menyokongnya ditakrif sebagai pengganas.

Kaddoumi berkata, kekejaman Is-

rael ke atas bangsa Palestin yang mendorong tercetusnya tindak balas segelintir rakyat Palestin dalam bentuk serangan berani mati.

“Kita berharap rakyat Palestin tidak melakukan serangan berani mati, tetapi Israel menggunakan bermacam-macam bentuk jenayah ke atas bangsa Palestin di samping menjajah bumi mereka. Kini Israel mengerah 40,000 tentera untuk melancarkan perang ke atas wilayah-wilayah Palestin yang didudukinya,” katanya.

Sementara itu, Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad El-Farra turut menyokong saranan Dr. Mahathir supaya serangan be atas orang awam dikubuk.

Bagaimanapun, katanya, takrifan keganasan perlu membezakan antara perjuangan menuntut kebebasan dengan perbuatan ganas.

“Serangan-serangan berani mati yang berlaku sekali sekala adalah tindakbalas ke atas kekejaman Israel dan rejim Yahudi itu bertanggungjawab,” ujarnya.